



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

BAZAR RAMADAN RAHMAH (BRR): PERANAN GPS DAN ADUAN SURI MELINDUNGI PENGGUNA, MEMPERKASA PENIAGA

Hari ini saya telah mengadakan sesi turun padang di Bazar Ramadan RAHMAH (BRR) Peringkat Zon Utara Tahun 2025 di Pulau Pinang. Program turun padang ini merupakan siri ke-2 selepas saya melancarkan BRR Peringkat Kebangsaan 2025 di Kipmall Kota Warisan, Sepang pada 4 Mac 2025 lalu.

Selaras dengan seruan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri untuk memperketat pemantauan harga di bazar Ramadan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui pelaksanaan OPS PANTAU 2025 telah menggandakan pemantauan dan penguatkuasaan di bazar ramadan bagi memastikan peniaga sepanjang bulan ramadan mematuhi peraturan serta tiada berlaku kenaikan harga tidak munasabah. Ini termasuk juga memastikan bekalan barang keperluan mencukupi sepanjang Ramadan.

KPDN melalui inisiatif BRR di bawah Program Payung RAHMAH bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pilihan hidangan berbuka puasa pada harga yang berpatutan. Semua peniaga BRR digalakkan untuk menawarkan menu RAHMAH pada harga RM5 dan ke bawah sebagai pilihan tambahan dalam menu sedia ada. Daripada 95 lokasi akan terlibat dalam pelaksanaan BRR seluruh negara, 10 lokasi daripadanya ialah di seluruh Negeri Pulau Pinang.

1. Penyertaan Gerakan Pengguna Siswa (GPS)

Bagi pelaksanaan BRR tahun 2025, KPDN dan Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (GEMA) sekali lagi bekerjasama bagi menggerakkan Program *MYSaveFood* Ramadan 2025 dengan melibatkan penyertaan sebanyak 68 buah Gerakan Pengguna Siswa (GPS) yang telah bersetuju untuk menyertai program ini yang akan dilaksanakan di 65 bazar Ramadan di seluruh negara. Jumlah penyertaan ini meliputi penglibatan sebanyak 42 IPTA dan 26 IPTS yang terdiri daripada seramai 846 orang sukarelawan GPS. Melalui penglibatan ahli GPS dalam Program *MYSaveFood* Ramadan 2025, pihak KPDN mengharapkan program ini dapat membudayakan satu sistem pengurusan lebihan makanan yang efektif di bazar Ramadan yang mudah direplikasi dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan semasa bulan Ramadan.

2. *MYSaveFood*

Bagi merealisasikan kejayaan program *MYSaveFood* dengan lebih efektif dan berkesan, penggunaan aplikasi *ReMeal* yang diperkenalkan dapat membantu menguruskan makanan yang tidak habis dijual di bazar ramadan. Penggunaan aplikasi ini sangat membantu mengurangkan pembaziran makanan sepanjang bulan ramadan sekali gus memberi impak positif kepada komuniti. Hasrat KPDN adalah untuk melantik pihak *ReMeal* sebagai Rakan Strategik Utama (RSU) Sekretariat *Food Bank* Malaysia untuk membantu dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu mengurangkan separuh daripada jumlah pembaziran makanan menjelang 2030 (SDG 12.3) dan mencapai Zero Hunger (SDG 2).

3. Aduan SURI

Pada masa yang sama, perkhidmatan Aduan SURI masih digunakan dalam BRR sebagai saluran aduan yang memfokuskan suri rumah tangga yang menguruskan pembelian barang keperluan harian untuk membuat aduan kepenggunaan melalui QR Code aplikasi Whatsapp. Melalui kemudahan ini, besar hasrat Kementerian agar pengguna dapat memanfaatkan semua saluran aduan yang disediakan serta dapat membantu Kerajaan dalam membanteras salah laku peniaga atau sebarang pelanggaran terhadap

undang-undang di bawah seliaan KPDN sekali gus membentuk masyarakat Malaysia yang mampu bertindak dan berdaya upaya dalam memperkasa hak-hak sebagai pengguna.

Secara keseluruhannya, usaha KPDN melalui pelaksanaan BRR sebagai inisiatif utama, penglibatan GPS dalam meningkatkan kesedaran kepenggunaan, serta perluasan perkhidmatan Aduan SURI merupakan langkah proaktif KPDN yang menyeluruh dalam memastikan kesejahteraan pengguna sepanjang bulan Ramadan. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja membantu rakyat mendapatkan makanan berkualiti pada harga berpatutan, tetapi juga membentuk masyarakat yang lebih cakna terhadap hak kepenggunaan serta menggalakkan perniagaan yang lebih beretika. Dengan adanya saluran aduan yang lebih mudah dan pantas, pengguna kini lebih dilindungi, manakala peniaga pula lebih bertanggungjawab dalam menawarkan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

YB SENATOR DR. FUZIAH SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
Dan Kos Sara Hidup

Pulau Pinang
7 Mac 2025

###